

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN ANYI NGAU
[BARAM]**

TARIKH : 16.11.2016 (RABU)

NO. SOALAN : 17

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah peruntukan kewangan yang dibelanjakan pihak Kementerian untuk naiktaraf jalan balak di Sarawak sejak 2013. Nyatakan jarak dan jumlah peruntukan yang dibelanjakan di kawasan Baram.

JAWAPAN :

Yang di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini melalui Program Jalan Luar Bandar (JALB) telah diluluskan peruntukan keseluruhan berjumlah RM385 juta bagi melaksanakan Projek Menaiktaraf Bekas Jalan – Jalan Balak di Negeri Sarawak yang merangkumi Fasa 1 RM64 juta, Fasa 2 RM70 juta, Fasa 3 RM52 juta dan Fasa 4 RM199 juta. Fasa 1 dan Fasa 2 projek ini telah disiapkan secara berperingkat pada tahun 2014 dan 2015, Fasa 3 dalam proses penyediaan rekabentuk akhir manakala Fasa 4 sedang dalam peringkat rekabentuk awalan. Pelaksanaan projek ini melibatkan pelbagai Bahagian seperti Miri, Sibul, Sri Aman, Betong, Limbang, Sarikei, Kapit, dan Bintulu.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, di bawah pelaksanaan Fasa 1 hingga Fasa 4 projek ini, dianggarkan sejumlah RM181 juta telah diperuntukkan di kawasan Baram yang melibatkan kerja – kerja menaiktaraf jalan sepanjang 402.24km.